

TAHAP BAHASA ANTARA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Noor Zila Md. Yusuf, Ph.D¹; Amir Juhari, Ph.D²

^{1,2}Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Kedah

¹noorzila@ipda.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap Bahasa Antara (BA) dalam pembelajaran bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kedua (B2) dalam kalangan pelajar Iban di Sarawak. Pengkaji menggunakan teori BA yang diperkenalkan oleh Selinker (1972) sebagai landasan dalam menganalisis tahap BA dalam kalangan subjek kajian. Terdapat tiga tahap BA mengikut Selinker iaitu akrolek, mesolek dan basilek. Sebanyak 28 orang pelajar Iban tahun empat di salah sebuah sekolah kebangsaan di daerah Meradong, Sarawak dijadikan subjek kajian melalui satu ujian karangan yang dikendalikan oleh pengkaji. Mereka terdiri daripada pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2 dan bahasa pertama (B1) mereka ialah bahasa Iban. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dan penghuraian data ialah secara kualitatif. Peratusan dan angka hanya digunakan untuk menyatakan jumlah markah ujian karangan dan jumlah subjek kajian mengikut tahap BA. Tahap BA subjek kajian dapat ditentukan oleh pengkaji berdasarkan kesilapan dan markah ujian karangan yang diberikan hasil semakan oleh pengkaji. Dapatkan kajian menunjukkan kebanyakannya subjek kajian berada pada tahap mesolek iaitu sebanyak 18 orang. Manakala 3 orang berada pada tahap akrolek dan selebihnya berada pada tahap basilek. Pengkaji merumuskan bahawa perlunya usaha yang lebih keras dalam kalangan semua pihak untuk memastikan pelajar B2 menguasai BM dengan baik sebelum melangkah ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian ini penting dan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak sama ada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Pendidikan Guru, Bahagian Perkembangan Kurikulum, guru-guru sekolah dan ibu bapa dalam melihat kepentingan mengetahui tahap BA pelajar terhadap kecenderungan mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Kata kunci: Bahasa Antara, Pembelajaran Bahasa Kedua, Akrolek, Mesolek, Basilek

PENGENALAN

Matlamat kerajaan Malaysia menjadikan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa pengantar sepenuhnya daripada peringkat pengajian dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi, jelas terlaksana secara menyeluruh mulai tahun 1983. Walaupun penggunaan BM sudah begitu meluas di dalam dan di luar sekolah, namun tanda-tanda menunjukkan bahawa sebahagian murid di negara ini masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka khususnya masyarakat bukan Melayu. Dalam masyarakat yang berbilang kaum, didapati pelbagai bentuk kemahiran berbahasa muncul dalam kalangan pelajar sekolah yang lahir dari pelbagai latar belakang. Sebagai contoh, kepelbagaian etnik kaum di Sarawak, menyebabkan terhasilah BM yang berbeza dengan BM standard (BMS) yang dipanggil sebagai BM dialek. Di Sarawak, BM dialek ini disebut sebagai BM Dialek Sarawak (BMDS). Didapati bahawa, penggunaan bahasa pertama (B1) di rumah dan pembelajaran

bahasa kedua (B2) di sekolah ternyata membawa kesan yang menampakkan terbentuknya gangguan terhadap penghasilan bahasa dalam aspek tatabahasa dan sistem B2 yang dipelajari. Selain itu, fenomena pemindahan bahasa ini juga dilihat sebagai satu permasalahan yang perlu dibendung dan ditangani.

Penyataan Masalah

Lado & Fries dalam Noor Zila (2015) mengemukakan bahawa dalam proses pembelajaran (B2), seseorang pelajar kerap melakukan kesilapan akibat daripada pengaruh bahasa ibundanya. Lado mengatakan bahawa seseorang pelajar sememangnya cenderung untuk memindahkan aspek B1 dalam B2 semasa mempelajari B2. Beliau juga mengatakan bahawa apabila satu pola struktural mempunyai fungsi, bentuk dan penyebaran yang sama dalam B1 dan B2, pembelajaran bahasa akan berlaku dengan senang kerana dapat memindahkan bahasa dengan mudah. Namun, keadaan yang sebaliknya akan berlaku apabila B1 dan B2 mempunyai fungsi, bentuk dan penyebaran yang berbeza. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran dan akhirnya kesilapan akan berlaku.

Arulnathan (2013) mengkaji analisis kesilapan dalam kalangan pelajar melalui ayat yang dibina. Dapatkan kajian beliau menunjukkan bahawa wujud kesilapan yang pelbagai dalam kalangan subjek kajian. Bagi sesetengah pengkaji, kesilapan yang berterusan ini boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran BM sebagai B2. Justeru, pengkaji menjadikan analisis kesilapan ini sebagai sesuatu yang menarik untuk dikaji dengan melihat proses BA yang digunakan oleh pelajar B2 semasa menulis karangan. Melalui analisis kesilapan, tahap BA pelajar dapat dikenal pasti. Akhirnya masalah ini dapat dibendung melalui strategi pembelajaran yang dirancang dengan berkesan. Berdasarkan kajian yang pernah dijalankan, kajian ini akan memfokuskan bidang BA yang berhasil dalam proses pembelajaran dan penguasaan BM sebagai B2 bagi subjek kajian yang dipilih. Justeru, untuk menjawab persoalan kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti tahap BA dalam kalangan pelajar Iban yang mempelajari BM sebagai B2.

Latar Belakang Kewujudan Bahasa Antara

Pengkaji yang bertanggungjawab memperkenalkan istilah BA (*Interlanguage*) ialah Selinker (1992, 1975). Pada ketika itu, istilah BA digunakan untuk merujuk jenis tatabahasa yang sementara, yang terbentuk semasa individu sedang berusaha untuk menguasai B2. Fenomena BA yang dimaksudkan ialah peringkat peralihan daripada B1 kepada B2. BA bersifat sementara, sentiasa berubah-ubah, dan dibentuk oleh pelajar B2 semasa menuju penguasaan bahasa sasaran. Perkara ini berlaku apabila pembelajaran B2 berlaku tanpa kehadiran rakan sebaya yang merupakan penutur asli sesuatu B2 yang dipelajari itu. Selinker (1975) mencipta istilah ini dengan merujuk kepada bahasa transisi yang biasa lahir daripada pemerolehan bahasa kanak-kanak secara urutan dengan variabel sosiolinguistik utamanya ialah ketidakhadiran rakan sebaya yang merupakan penutur asli bahasa sasar. Sekiranya pemerolehan tersebut tidak dikawal selia, sistem bahasa tersebut akan menjadi dialek dalam bentuknya tersendiri (Puteri Roslina, 2004).

Ellis, dalam Noor Zila (2015), pula mengatakan bahawa BA ialah satu pengetahuan B2 yang sistematik yang bebas daripada B1 dan bahasa sasaran. Beliau

menyatakan bahawa BA digunakan secara berbeza tetapi mempunyai pertalian dan perkaitan makna yang berbeza-beza. Antaranya ialah BA sebagai satu ciri sistem yang mencirikan pemerolehan bahasa, BA sebagai satu sistem yang memperlihatkan tahap perkembangan bahasa dan juga BA sebagai satu bentuk bahasa yang bergabung dengan satu bahasa yang lain. Bagi Corder (1981), beliau menggunakan istilah kecekapan transisional untuk merujuk kepada BA dengan menyatakan bahawa BA ialah satu ujaran yang tidak tepat yang terhasil apabila seseorang mempelajari B2. Dalam proses memperoleh B2, pelbagai kesilapan boleh berlaku oleh semua penutur. Oleh itu, kesilapan ini dinyatakan oleh Corder sebagai satu bukti yang dapat menunjukkan bahawa proses pembelajaran sedang berlaku. Selain itu, Corder turut menyatakan bahawa BA ialah satu sistem bahasa yang bersifat sistematik yang terhasil daripada kesilapan yang dilakukan dalam proses pemerolehan bahasa.

Terdapat beberapa lagi istilah lain yang menghuraikan tentang BA yang dikemukakan oleh beberapa orang pengkaji yang mengkaji bidang ini. Antaranya ialah Tarone, dalam Noor Zila (2015), yang mengatakan bahawa BA merupakan satu kontinum yang berlangsung secara berterusan. Beliau berpendapat bahawa, semakin banyak tumpuan diberikan dan penutur lebih berhati-hati dan mengelakkan kesilapan berlaku, keadaan ini akan menyebabkan penutur melakukan lebih banyak kesilapan. Namun begitu, keadaan sebaliknya berlaku sekiranya pelajar B2 tidak terlalu menumpukan perhatian, iaitu tidak terlalu berhati-hati. Penutur tersebut akan semakin kurang melakukan kesilapan. Noor Aina Dani, dalam Noor Zila (2015) mendefinisikan BA sebagai tatabahasa sementara, yang terbentuk semasa pelajar kaum Dusun sedang berusaha mempelajari BM baku. Nemser pula merujuk bahasa antara sebagai ‘devian bahasa kedua atau kecekapan transisional atau sistem aproksimatif. Puteri Roslina (2004) mendefinisikan BA sebagai bahasa yang tidak tergolong dalam bahasa pertama dan tidak juga tergolong dalam B2, dan bahasa ini berada di antara kedua-dua bahasa tersebut.

Objektif Kajian

Mengenal Pasti tahap Bahasa Antara dalam kalangan pelajar Iban yang mempelajari BM sebagai bahasa kedua.

Soalan Kajian

Apakah tahap Bahasa Antara dalam kalangan pelajar yang mempelajari BM sebagai bahasa kedua?

Tinjauan Literatur

Kajian tentang Pembelajaran Bahasa Kedua

Arulnathan (2013) telah menjalankan kajian berkaitan pembelajaran B2 dalam kalangan pelajar India. Kajian beliau bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis strategi pembelajaran serta strategi pemindahan bahasa dalam proses pembelajaran BM sebagai B2 dalam kalangan pelajar India di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) yang berada di kawasan estet. Berdasarkan kajiannya, orang India telah menerima BM sebagai bahasa kebangsaan negara ini dan mempelajarinya secara formal atau tidak formal. Namun, penguasaan BM dalam kalangan pelajar India masih kurang memberangsangkan. Analisis strategi pembelajaran dan strategi pemindahan bahasa yang

merupakan dua strategi utama yang digunakan oleh pelajar India semasa mempelajari BM dalam situasi formal telah mendasari kajian beliau. Pengkaji menggunakan teori monitor yang diperkenalkan oleh Krashen. Data yang diperoleh daripada proses pencungkilan menggunakan ujian diagnosis pula dianalisis menggunakan prosedur analisis kesilapan yang dipelopori S.Pit Corder. Analisis kajian menunjukkan bahawa kesilapan pelajar India yang berpunca daripada strategi pembelajaran ialah sebanyak 76.5 peratus dibandingkan 23.5 peratus kesilapan menonjolkan strategi pemindahan. Walaupun pemindahan bahasa merupakan strategi yang tidak dapat diabaikan langsung dalam proses pembelajaran BM dalam kalangan pelajar India, namun analisis kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran menjadi punca utama kesilapan pelajar India semasa mempelajari BM. Oleh itu, segala langkah pemulihan untuk mengatasi kesilapan dalam kalangan pelajar India di SJKT haruslah menitikberatkan kesilapan yang berpunca daripada strategi pembelajaran.

Ashnida Aladin (2012), menjalankan kajian berkaitan Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab, dalam kalangan 6 orang responden yang sedang belajar di tingkatan 6 Atas dari salah sebuah sekolah menengah agama di Selangor. Dalam kajian tersebut, beliau telah menggunakan taksonomi strategi komunikasi yang dibangunkan oleh Tarone (1983) dan telah disusun semula secara konseptual oleh Faerch dan Kasper (1983, 1984) dan Bialystok (1990) untuk mengenal pasti strategi komunikasi yang digunakan ketika berhadapan dengan kekurangan leksikal semasa bertutur. Pengkaji menggunakan data lisan daripada rakaman temu bual yang ditranskripsi. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa responden menggunakan strategi pencapaian secara ekstensif iaitu sebanyak 98.04% berbanding dengan strategi pengelakan, iaitu sebanyak 1.06%. Beliau berpendapat bahawa penggunaan strategi komunikasi merupakan satu teknik yang sistematik untuk menyampaikan mesej, serta dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian komunikatif mereka dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Arab walaupun mereka mempunyai pengetahuan linguistik yang terhad dalam bahasa tersebut.

Ting dan Phan (2008) telah menjalankan kajian berkaitan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2. Pengkaji telah menganalisis data interaksi lisan daripada 20 orang responden yang mempelajari kemahiran bahasa Inggeris di Malaysia untuk mengenal pasti apakah pilihan strategi komunikasi dan kategori strategi komunikasi yang digunakan oleh responden. Responden kajian telah dibahagikan kepada dua kumpulan yang mempunyai tahap penguasaan B2 yang baik dan tahap penguasaan B2 yang rendah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan kemahiran tidak mempunyai perbezaan daripada jumlah strategi komunikasi yang digunakan. Penggunaan strategi komunikasi berdasarkan B2 paling kerap digunakan oleh kumpulan penguasaan B2 yang baik, manakala penutur kurang mahir cenderung menggunakan strategi berdasarkan B1 untuk mengatasi kesukaran komunikasi. Penutur lebih mahir mengatasi kekurangan keupayaan linguistik dengan menggunakan pengulangan leksikal yang pelbagai untuk mengekalkan komunikasi lisan mereka.

Kajian tentang Bahasa Antara

Selinker (1975) menggunakan teori BA dalam kajian pemerolehan B2 orang dewasa. Namun begitu, beliau meluaskan teori dalam kajian terhadap kanak-kanak melibatkan 10 orang kanak-kanak lelaki dan 10 orang kanak-kanak perempuan yang berusia sekitar 7 setengah tahun di sebuah sekolah di Toronto, Kanada. Semua kanak-kanak tersebut merupakan penutur jati BI. Beliau mengatakan bahawa tanpa kehadiran penutur jati dalam pemerolehan B2, BA akan berkembang dalam pertuturan dan kenyataan ini terbukti dalam kajian beliau. Didapati bahawa kanak-kanak tersebut telah diajar bertutur dalam bahasa Perancis sejak gred satu oleh penutur jati bahasa tersebut. Apabila berada dalam kelas, kanak-kanak tersebut akan menggunakan bahasa Perancis apabila berkomunikasi dengan guru sesama mereka. Walau bagaimanapun, apabila berada di luar kelas, mereka tidak menggunakan bahasa Perancis. Walaupun mereka tidak mempunyai masalah untuk memahami bahasa Perancis, namun mereka tidak menggunakan bahasa tersebut. Berdasarkan kajian tersebut, keadaan ini menyebabkan BA berhasil dan berkembang dalam pertuturan kanak-kanak yang dikaji. Kesimpulannya, Selinker mengatakan bahawa analisis peraturan yang telah dijalankan ke atas kanak-kanak, jelas mendedahkan tatacara BA. Tatacara tersebut menurut beliau tidak dapat diramalkan melalui peraturan tatabahasa, tetapi sedar dalam proses pembelajaran B2.

Susan Juhin (1999) telah mengkaji fenomena BA dalam BM lisan kanak-kanak Bidayuh di daerah Bau, Sarawak. Dalam kajiannya pengkaji telah membezakan tahap BA dalam pertuturan kanak-kanak bangsa Bidayuh berdasarkan faktor umur. Selain itu, pengkaji juga menganalisis hubungan BA dengan penguasaan jenis kata berdasarkan kumpulan umur. Pengkaji juga menghuraikan jenis fosilisasi yang terdapat dalam pertuturan BM kanak-kanak bangsa Bidayuh. Di samping itu, pengkaji telah mengkaji hubungan persekitaran bahasa dengan perlakuan lisan kanak-kanak bangsa Bidayuh. Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan 10 jenis kata kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 7 tahun pada tahap basilek dengan min markah 48%. Kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 9 tahun pula mendapat min markah sebanyak 52% dan berada di tahap mesolek. Kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 12 tahun berada pada tahap mesolek kerana memperoleh 66% min markah. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak bangsa Bidayuh berumur 7 tahun kerap menggunakan nafian dan pemudahan seperti tidak ada, ada, ya, tidak tahu, dan suka. Kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 9 tahun pula sudah mula mempunyai keyakinan diri semasa bertutur dalam BM. Manakala, kanak-kanak Bidayuh yang berumur 12 tahun tidak menghadapi sebarang masalah untuk bertutur dalam BM. Namun, pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 12 tahun ini kerap menggunakan penyeluruhan. Hal ini telah menyebabkan pertuturan yang kurang gramatis dan tidak mapan. Satu aspek yang dianggap penting oleh pengkaji ialah kajian ini diharap dapat memperkenalkan konsep BA yang terdapat dalam pertuturan BM kanak-kanak bangsa Bidayuh.

Kajian BA juga telah dijalankan oleh Noor Aina Dani (1999) ke atas pelajar kaum Dusun di negeri Sabah. Beliau telah membuat perbandingan penggunaan BA dalam bacaan untuk dua kumpulan pelajar, iaitu Kumpulan Pencapaian Tinggi (KPT) dan kumpulan Pencapaian Rendah (KPR). Penentuan kumpulan dibuat berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran BM PMR. Hasil kajian menunjukkan bahawa BA KPR

berada pada tahap akrolek dengan min markah 90.7, demikian juga untuk KPT (min markah 95.6). Para pelajar telah dapat menghasilkan struktur bahasa yang betul tetapi kurang mapan. Mereka juga telah menghayati peraturan tatabahasa Melayu tetapi kadang kala melakukan kesalahan kerana kurang prihatin. Selain itu, dapatan kajian beliau juga mendapati, KPT sering menukar kod perbualan daripada KPR disebabkan faktor penguasaan bahasa. Melalui kajian dalam penulisan, dapatan kajian pengkaji menunjukkan bahawa terdapat 6 jenis BA yang kerap mempengaruhi karangan bahasa Melayu pelajar. BA itu berlaku ke atas ayat bentuk susunan songsang, ayat dengan kata hubung ‘tetapi’, ayat dengan kata hubung ‘dan’, ayat dengan kata nafi, ayat dengan kata keterangan sebab atau kerana. Noor Aina Dani (1999) mengatakan bahawa BA ialah sistem bahasa yang ada dalam minda pelajar bahasa kedua yang belum menguasai bahasa kedua. Beliau yang memetik pendapat Selinker, menerangkan bahawa BA mempunyai dua makna. Beliau turut menyenaraikan lima proses kognitif yang terlibat, iaitu pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi pembelajaran bahasa kedua, strategi komunikasi B2 dan penyeluruhan bahan linguistik bahasa sasaran. Dalam rumusan dapatan kajiannya beliau membandingkan model BA oleh Selinker (1972), Adjemien (1975) dan Tarone (1976). Kesimpulannya, beliau mengatakan bahawa Slinker mengaitkan pengaruh bahasa pertama dengan kemunculan BA. Adjemien pula beranggapan bahawa BA beroperasi ke atas prinsip yang sama dengan yang ada pada bahasa semula jadi. Manakala Tarone menitikberatkan perubahan bahasa dan desakan pragmatik yang menentukan penggunaan sesuatu bahasa dalam konteks yang berlainan.

Puteri Roslina (2004) telah menulis buku Bahasa Antara hasil kajiannya dalam penulisan tesis untuk ijazah Doktor Falsafah Bahasa dan Linguistik yang berjudul *Pemerolehan Bahasa Inggeris Sebagai bahasa Kedua oleh Kanak-kanak Pra sekolah: Satu kajian Bahasa Antara*. Beliau telah mengkaji proses BA menggunakan kerangka teori Selinker dengan menganalisis ujaran 47 orang kanak-kanak prasekolah. Hasil dapatan kajian beliau mendapati bahawa kelima-lima proses berlaku dalam pemerolehan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua kanak-kanak prasekolah. Jumlah data terbesar ialah strategi komunikasi (36%), diikuti oleh strategi pembelajaran (35%), generalisasi terlampau (13%), pemindahan bahasa (12%) dan pemindahan latihan (4%). Beliau juga telah mengkaji persekitaran linguistik yang mempengaruhi proses pemerolehan B2 kanak-kanak prasekolah. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah melihat perkaitan antara persekitaran linguistik dengan proses pemerolehan B2 yang menghasilkan BA. Daripada analisis yang dilakukan, beberapa dapatan telah diperoleh melalui soal selidik yang telah dikemukakan kepada ibu bapa kanak-kanak tersebut. Setelah membuat perbandingan antara persekitaran linguistik dengan BA, beberapa perkara telah dirumuskan oleh pengkaji, iaitu pertama faktor persekitaran linguistik mempengaruhi penghasilan proses pemerolehan B2 kanak-kanak prasekolah. Kedua, strategi pembelajaran merupakan proses yang dominan antara kelima-lima proses. Ketiga, kerjaya ibu bapa juga mempengaruhi pemerolehan bahasa Inggeris sebagai B2. Keempat, kekerapan mengalih kod di rumah memperlihatkan strategi komunikasi penting dalam pemerolehan B2 yang dipelajari untuk membolehkan mereka membentuk satu sistem bahasa tersendiri iaitu, BA.

Alice Alim (2010, 2011) telah mengkaji BA dalam pembelajaran B2 dalam kalangan pelajar di empat buah sekolah di Sabah yang menggunakan dialek Melayu

Sabah sebagai bahasa pertuturan. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, penulis mendapati bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa seseorang pelajar sangat berkait rapat dengan latar belakang ibu bapa pelajar tersebut. Dalam kajiannya beliau mendapati bahawa sebahagian besar ibu bapa atau penjaga kanak-kanak mendapat pendidikan formal sama ada pada peringkat sekolah rendah dan menengah dalam aliran BM, malahan mencapai tahap pendidikan pada peringkat diploma. Oleh itu, keadaan ini mempengaruhi pelajar tersebut untuk mempelajari BM. Selain faktor pendidikan dan aliran pendidikan ibu bapa atau penjaga, faktor pendapatan dan penggunaan bahasa turut mempengaruhi pelajar untuk terus menggunakan BM sebagai bahasa utama. Oleh itu, keadaan ini menyebabkan pelajar lebih bersemangat untuk menguasai BM dengan baik walaupun menggunakan BM sebagai B2. Pengaruh faktor-faktor persekitaran linguistik seperti pengaruh rakan sebaya, jantina, tingkat ekonomi dan kedwibahasaan turut menyumbang kepada penguasaan BM oleh pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji juga mendapati minat pelajar ini untuk mempelajari BM adalah senang kerana bentuk dan sistem tatabahasa BM adalah mudah dipelajari dan penuturnya berasal daripada bangsa Melayu itu sendiri. Galakan ibu bapa atau penjaga turut memainkan peranan penting yang dapat mempengaruhi penguasaan BM yang baik oleh pelajar. Hal ini kerana, ibu bapa atau penjaga merupakan teras utama kecemerlangan seseorang pelajar itu untuk berjaya. Ibu memainkan peranan yang sangat besar dan berat dalam memberi pengajaran dan nasihat kepada pelajar terutama sekali untuk memupuk minat pelajar tersebut.

METODOLOGI

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan untuk mengumpul data kajian. Subjek kajian yang terdiri daripada murid tahun empat akan diberi satu set ujian karangan bagi menentukan tahap BA mereka. Data daripada ujian karangan dikumpul, disemak dan dianalisis menggunakan Teori Bahasa Antara yang diperkenalkan oleh Selinker (1972). Kajian ini menggabungkan dua pendekatan, iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Pendekatan ini bersesuaian untuk menjawab persoalan kajian yang dibina agar tujuan kajian dapat dicapai. Maklumat data yang diperoleh secara kajian lapangan akan dihursti secara kualitatif berdasarkan analisis kesilapan dalam ayat yang dilakukan oleh subjek kajian. Manakala penentuan tahap bahasa antara dinyatakan dalam bentuk jadual secara kuantitatif melalui markah ujian karangan subjek kajian. Data ini dikumpul melalui ujian karangan yang diberikan kepada subjek kajian selama satu jam. Analisis data dilaksanakan melalui semakan karangan berdasarkan skema pemarkahan yang telah ditetapkan oleh pengkaji dengan menggabungkan skema pemarkahan karangan dan kriteria tahap bahasa Antara.

Ujian bertulis dilaksanakan untuk mengenal pasti kesilapan yang wujud dalam penulisan subjek kajian bagi menentukan tahap bahasa Antara subjek kajian. Soalan karangan akan diberikan kepada subjek kajian sebagai soalan ujian. Ujian bertulis dikendalikan oleh pengkaji sendiri dan semakan soalan ujian juga dilakukan oleh pengkaji. Tujuan ujian bertulis ini dilaksanakan adalah untuk mendapatkan data berkaitan kesilapan-kesilapan yang dilakukan semasa membina ayat dalam penulisan. Hasil analisis data ujian bertulis akan membantu pengkaji menjawab soalan kajian ini. Melalui ujian bertulis ini juga pengkaji akan menentukan tahap BA subjek kajian berdasarkan markah yang diberikan oleh pengkaji hasil semakan ujian karangan tersebut.

Teori Bahasa Antara

Selinker (1975) telah mengemukakan lima proses BA, iaitu pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi pembelajaran, strategi komunikasi dan generalisasi terlampaui. Dalam kajian yang dilakukan oleh Selinker di Perancis, beliau tidak menggunakan kelima-lima proses dalam penganalisisan data. Memandangkan tiadanya penutur asli untuk berinteraksi dengannya, maka, beliau telah menggugurkan strategi komunikasi dalam penyelidikannya. Selinker hanya membuat perhatian ke atas strategi pembelajaran, pemindahan bahasa dan pemindahan latihan.

Selinker telah mengemukakan lima proses BA, iaitu:



Rajah 1. Proses Bahasa Antara Selinker (1975)

Pemindahan Bahasa

Pemindahan bahasa merupakan pemindahan ujaran yang bukan sahaja tidak tepat tetapi juga tidak betul dari segi bahasa standard. Kesan pemindahan bahasa ini didapati dalam semua keadaan apabila wujud BA. Kesilapan yang dilakukan selanjutnya dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Dua bentuk yang dikaji oleh pengkaji dalam analisis data ialah terjemahan literal dan urutan kata. Terjemahan literal berlaku apabila pelajar menggunakan terjemahan kata daripada B1 kepada B2 semasa berkomunikasi. Bentuk pemindahan yang kedua ialah urutan kata. Faktor yang penting dalam pemindahan bahasa ialah ayat dalam bahasa sasaran memperlihatkan gangguan daripada B1. Fenomena pemindahan bahasa membenarkan pelajar membuat kesimpulan bagaimana pengetahuan dalam bahasa ibunda membentuk konstruksi tatabahasa BA.

Pemindahan Latihan

Bagi Selinker, pemindahan latihan merupakan satu proses yang agak berbeza daripada pemindahan bahasa dan generalisasi terlampaui. Selinker memberikan contoh kajian yang dilakukan dalam kalangan penutur Serbo-Croatia yang menghasilkan bentuk '*he/she*' dalam ujaran B2 mereka. Mereka memperlihatkan kecenderungan untuk menggunakan '*he*' sebagai kata ganti untuk sebarang rujukan. Menurut Selinker, hal ini tidak mungkin tergolong dalam pemindahan bahasa kerana terdapat persamaan dalam membezakan

'he/she' dalam bahasa Inggeris daripada bahasa Serbo-Croatia. Beliau mengaitkan hal ini dengan pendekatan latihan iaitu penggunaan buku teks oleh guru dan latih tubi menggunakan *he* menyebabkan fosilisasi berlaku. Dalam kes tersebut, Selinker menggolongkan sebagai pemindahan latihan yang kemudian bergerak ke arah strategi komunikasi.

Strategi Pembelajaran

Selinker mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai satu proses pembentukan peraturan, yakni satu hipotesis percubaan yang dibuat oleh pelajar B2 tentang keadaan bahasa yang selalu diuji dan berubah. Oleh itu, strategi pembelajaran mempunyai ciri ketidakstabilan dan berubah mengikut perubahan masa. Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan strategi pembelajaran kepada dua proses utama, iaitu pemudahan dan (simplification) penghilangan (deletion). Penutur B2 menggunakan strategi pemudahan dan penghilangan supaya data B2 mudah disimpan dapat diingat kembali agar maksud dapat disampaikan kepada pembaca dan pendengar dengan jayanya. Pemudahan membawa maksud kecenderungan pelajar B2 untuk memudahkan bahasa sasar kepada sistem yang lebih mudah difahami. Dalam pemudahan, pelajar B2 mengandaikan struktur yang lebih mudah dalam BA dibandingkan dengan bahasa sasar (Puteri Roslina: 2004). Lightbown dan Spada (2006) mengatakan bahawa pemudahan merupakan tindakan pelajar B2 meninggalkan elemen sesuatu ayat seperti menggunakan unsur tatabahasa yang sama tidak kira penanda kala, bilangan atau kata ganti nama diri. Penghilangan berlaku apabila satu konstituen dalam bahasa dihilangkan dalam struktur ayat yang sama dihasilkan oleh kanak-kanak. Penghilangan dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu penghilangan kata dan penghilangan imbuhan. Menurut Ellis, dalam Noor zila (2015) mengatakan penghilangan kata berlaku apabila pelajar memudahkan ayat dengan cara mengurangkan sesuatu konstituen. Pelajar memilih sesuatu konstituen untuk dikod dan meninggalkan konstituen yang lain dengan andaian pembaca atau pendengar akan membuat inferens menggunakan penanda ekstralinguistik. Konstituen yang dihilangkan bukanlah sintaksis tetapi kata seperti benda, datif dan agen. Penghilangan kedua ialah penghilangan imbuhan yang tidak mempunyai maksud semantik.

Strategi Komunikasi

Istilah strategi komunikasi mula diperkenalkan oleh Selinker dalam kertas kerjanya '*Interlanguage*' untuk menjelaskan klasifikasi kesilapan yang dilakukan oleh pelajar B2. Kesilapan ini dianggap sebagai '*by product*' bahasa pelajar ketika melahirkan makna dalam ujaran spontan apabila bertutur dalam B2. Terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam strategi komunikasi, iaitu pendekatan saling tindak (Tarone, 1979, 1980 dan 1983) dan pendekatan psikolinguistik. Dalam saling tindak, terdapat perundingan maksud sebagai usaha bersama penutur dan pendengar untuk berkomunikasi dan melakukan seberapa banyak strategi untuk menyampaikan mesej. Pendekatan psikolinguistik pula tidak menitikberatkan kerjasama dalam penggunaan strategi komunikasi tetapi menekankan masalah yang dihadapi oleh penutur secara individu bagi aspek penerimaan mesej, perancangan ujaran dan pelaksanaan pertuturan. Selinker mengaitkan strategi komunikasi dengan BA dengan memperlihatkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar B2. Menurut beliau strategi komunikasi seorang pelajar B2

menunjukkan bahawa pelajar tersebut hanya sekadar tahu menggunakan B2 tersebut dan penggunaan terhad untuk berkomunikasi.

Generalisasi Terlampau

Generalisasi terlampau merupakan satu fenomena yang biasa ditemukan oleh guru biasa. Generalisasi terlampau memperlihatkan kesimpulan yang dibuat oleh pelajar tentang sistem bahasa kedua kurang tepat atau terlampau luas. Contoh penggunaan kata *drive* dalam ayat berikut telah dilakukan oleh penutur bahasa Tamil, Puteri Roslina (2004 : 76).

After thinking a little I decided to start on the bicycle so slowly as I could as it was not possible to drive fast

Generalisasi terlampau kata *drive* yang dibuat oleh penutur menunjukkan bahawa mereka menganggap semua kenderaan menggunakan kata *drive* sebagai tanda untuk menggerakkan kenderaan. Pada peringkat awal, pelajar B2 cenderung untuk membuat generalisasi berdasarkan darjah penggunaan dalam bahasa sasaran, akhirnya diubah suai dan dihadkan kepada bentuk tertentu sahaja. Generalisasi ini jika digunakan secara kreatif akan dianggap sebagai satu kesilapan jika ditemukan dalam bahasa Inggeris standard tetapi gejala ini merupakan perkara biasa bagi bahasa Inggeris di Malaysia.

Tahap Bahasa Antara

Bahasa Antara



Rajah 2. Tahap Bahasa Antara

Pada tahap mesolek (sistematik), kesalahan bahasa yang dilakukan oleh individu adalah tetap. Individu telah belajar peraturan B2 tetapi belum menguasainya. Apabila disuruh membetulkan kesalahan bahasanya, dia tidak dapat melakukannya tetapi sedikit sebanyak dapat menerangkan sebab dia menggunakan peraturan bahasa tertentu. Pada tahap akrolek (pasca sistematik), individu telah menghasilkan struktur bahasa yang betul tetapi masih tidak mapan. Individu telah dapat menghayati peraturan tatabahasa B2 tetapi

kadang kala melakukan kesalahan kerana kurang prihatin atau terlupa. Apabila disuruh membetulkan kesalahan bahasanya, dia sedikit sebanyak dapat melakukannya dan dapat pula menerangkan peraturan tatabahasa yang digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Untuk melihat tahap BA dalam kalangan pelajar, pengkaji telah memilih 28 orang pelajar Iban dari salah sebuah sekolah kebangsaan di Daerah Bintangor, Sarawak sebagai subjek kajian. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar tahun empat yang mempelajari BM sebagai B2, manakala B1 mereka ialah bahasa Iban. Subjek kajian telah menduduki satu ujian karangan yang dikendalikan sendiri oleh pengkaji. Berikut merupakan analisis data berkaitan tahap BA dalam kalangan pelajar yang mempelajari BM sebagai B2. Kriteria pengukuran tahap BA telah diubah suai daripada Selinker (1992) dan dinyatakan seperti berikut.

Jadual 1

Kriteria Penentuan Tahap BA

| Tahap BA | Skor | Kesalahan Bahasa | Kriteria (Selinker, 1972) |
|-------------|---------|---------------------|--|
| Akrolek | 21 - 30 | 01- 10 | <ul style="list-style-type: none"> - Menghasilkan struktur bahasa yang betul - Dapat menghayati peraturan tatabahasa tetapi kadang kala melakukan kesalahan kerana kurang prihatin - Faham tentang rumus tatabahasa - Dapat membetulkan kesalahan berdasarkan rumus tatabahasa |
| Mesolek | 11 - 20 | 11 - 20 | <ul style="list-style-type: none"> - Kesalahan bahasa tetap - Belum menguasai sepenuhnya peraturan B2 - Tahu rumus tatabahasa tetapi tidak dapat membetulkan kesalahan bahasa yang dilakukan |
| Basilek | 0 -10 | 21 ke atas | <ul style="list-style-type: none"> - Belum menghayati sistem B2 - Kesalahan bahasa secara rambang - Tidak tahu rumus tatabahasa |

Skema pemarkahan ujian karangan diubah suai daripada tahap BA yang diperkenalkan oleh Selinker (1992). Selinker mengatakan bahawa BA yang dikaitkan dengan tatabahasa sementara terdiri daripada tahap basilek, mesolek dan akrolek. Pengkaji meletakkan skor maksimum yang ditetapkan sebanyak 30 markah berpandukan markah maksimum yang ditetapkan oleh KPM dalam peperiksaan BM Penulisan UPSR bahagian B, bermula tahun 2005. Jumlah kesalahan bahasa ditetapkan oleh pengkaji dengan mengubah suai ketetapan kriteria penilaian bahasa oleh guru BM di sekolah kajian. Kriteria tahap BA merujuk kriteria yang ditetapkan oleh Selinker 1972 .

Selinker menjelaskan bahawa pada tahap basilek, individu belum menghayati sistem B2. Kesalahan bahasa dilakukan secara rambang. Kadang-kadang individu menggunakan struktur yang betul tetapi tidak dapat menerangkan sebab dia menggunakan struktur bahasa atau membetulkan kesalahan. Berikut merupakan contoh ayat yang ditulis oleh subjek kajian dan berada pada tahap basilek. Contoh ayat-ayat yang ditulis oleh murid yang berada pada tahap basilek. Ayat-ayat ini tidak dapat dibetulkan lagi kerana tidak mempunyai makna yang lengkap.

Penciptaan tanah kentingting agak pelpagi

SK 7/A6

Bermain sokok bermaksud bernumuh

SK8/A5

Pada tahap mesolek, kesalahan bahasa yang dilakukan oleh individu tetap. Walaupun telah mempelajari peraturan B2 tetapi belum menguasainya. Apabila disuruh membetulkan kesalahan bahasa, dia tidak dapat melakukan tetapi sedikit sebanyak boleh menerangkan sebab menggunakan peraturan bahasa tersebut. Beberapa contoh ayat yang dihasilkan oleh murid berikut menunjukkan subjek kajian ini berada pada tahap mesolek dan ayat tersebut dapat dibetulkan seperti berikut:

Semua pihak harus terlibat promosi permainan ini

Semua pihak harus terlibat mempromosi permainan ini

SK3/A10

bermain batu seremban ini agak banyak benda yang digunakan

permainan batu seremban ini agak banyak benda yang digunakan

SK17/A6

Pada tahap akrolek, individu telah dapat menghasilkan struktur bahasa yang betul tetapi masih tidak mapan. Individu telah dapat menghayati peraturan B2 tetapi kadang kala melakukan kesalahan kerana kurang prihatin atau terlupa. Berdasarkan analisis ayat-ayat yang dilaksanakan contoh data tahap akrolek yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah

Batu Seremban merupakan warisan dunia

SK64/1

Congkak ini diperbuat daripada kayu, logam dan plastik

S27/A1

Berikut merupakan markah hasil pemeriksaan karangan dan tahap BA subjek kajian

Jadual 2

Markah ujian karangan dan tahap BA subjek kajian

| Bil | Subjek kajian | Markah | Tahap BA |
|-----|---------------|--------|----------|
| 1 | SK 1 | 10 | Basilek |
| 2 | SK 2 | 8 | Basilek |
| 3 | SK 3 | 15 | Mesolek |
| 4 | SK 4 | 12 | Mesolek |
| 5 | SK 5 | 10 | Basilek |
| 6 | SK 6 | 15 | Mesolek |
| 7 | SK 7 | 9 | Basilek |

| | | | |
|----|-------|----|---------|
| 8 | SK 8 | 10 | Basilek |
| 9 | SK 9 | 16 | Mesolek |
| 10 | SK 10 | 10 | Basilek |
| 11 | SK 11 | 18 | Mesolek |
| 12 | SK 12 | 8 | Basilek |
| 13 | SK 13 | 15 | Mesolek |
| 14 | SK 14 | 12 | Mesolek |
| 15 | SK 15 | 22 | Akrolek |
| 16 | SK 16 | 14 | Mesolek |
| 17 | SK 17 | 15 | Mesolek |
| 18 | SK 18 | 12 | Mesolek |
| 19 | SK 19 | 18 | Mesolek |
| 20 | SK 20 | 12 | Mesolek |
| 21 | SK 21 | 13 | Mesolek |
| 22 | SK 22 | 15 | Mesolek |
| 23 | SK 23 | 12 | Mesolek |
| 24 | SK 24 | 18 | Mesolek |
| 25 | SK 25 | 12 | Mesolek |
| 26 | SK 26 | 22 | Akrolek |
| 27 | SK 27 | 23 | Akrolek |
| 28 | SK 28 | 15 | Mesolek |

Jadual 3

Peratusan tahap BA subjek kajian

| Tahap BA | Jumlah | Peratusan |
|----------|--------|-----------|
| Basilek | 7 | 25% |
| Mesolek | 18 | 64% |
| Akrolek | 3 | 11% |
| Jumlah | 28 | 100% |

Berdasarkan jadual 2 dan jadual 3, tahap BA subjek kajian telah dikenal pasti. Dari pada 28 orang subjek kajian, 7 orang berada pada tahap basilek, 18 orang berada pada tahap mesolek dan hanya 3 orang berada pada tahap akrolek. Penentuan tahap bahasa Antara subjek kajian berdasarkan jumlah markah yang diperoleh iaitu 21 hingga 30 markah berada pada tahap akrolek. Manakala 18 subjek kajian yang verada pada tahap mesolek memperoleh markah antara 11 hingga 20 markah. Sebanyak 7 orang subjek kajian berada pada tahap paling rendah iaitu basilek kerana memperoleh sekurang-kurangnya 10 markah. Kesalahan bahasa dilakukan juga secara rambang dan mengandungi lebih daripada 21 kesalahan bahasa. Hal ini selari dengan pernyataan Selinker (1972) bahawa subjek kajian pada tahap ini masih belum menghayati sistematik dalam B2 yang dipelajari. Hal ini menunjukkan bahawa subjek kajian masih perlu dibantu untuk mencapai tahap yang lebih tinggi iaitu akrolek. Subjek kajian yang berada pada tahap mesolek boleh mencapai tahap akrolek andai guru memainkan peranan penting dalam merancang pelbagai strategi pengajaran yang bersesuai dengan pelajar B2.

Berdasarkan analisis kesilapan yang dilakukan, pengkaji telah berjaya mengenal pasti tahap BA subjek kajian bagi menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan. Kebanyakan subjek kajian, iaitu sebanyak 18 orang berada pada tahap mesolek. Hal ini bermakna, subjek kajian ini masih belum menguasai sepenuhnya peraturan B2, namun begitu masih berupaya menerangkan sebab mengapa mereka menggunakan peraturan tersebut. 7 orang daripada subjek kajian berada pada tahap basilek iaitu tahap paling bawah dalam pengelasan tahap BA oleh Selinker. Subjek kajian melakukan pelbagai kesalahan dalam penulisan karangan, malah hampir tidak ada satu pun ayat yang ditulis oleh subjek tidak mengalami kesalahan. Mereka sebenarnya masih belum menghayati sistem B2 dan kesalahan bahasa dilakukan secara rambang kerana tidak memahami sebab mengapa menggunakan sistem bahasa tersebut. Hanya 3 orang subjek kajian berada pada tahap paling tinggi, iaitu tahap Akrolek. Pada tahap ini, ayat dibina dengan baik. Kesalahan bahasa jarang dilakukan, namun jika terdapat kesalahan pada penulisan karangan merupakan kesilapan akibat cuai atau kurang prihatin. Subjek kajian sudah menguasai sepenuhnya peraturan B2, namun masih belum mantap.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya kajian ini telah mencapai objektif yang ditetapkan iaitu menganalisis tahap BA dalam kalangan pelajar-pelajar yang mempelajari BM sebagai B2. Tahap BA pelajar berjaya dikenal pasti melalui analisis kesilapan yang dilakukan oleh pengkaji berdasarkan ujian karangan yang telah diberi kepada subjek kajian. Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Arulnathan(2013) yang menyatakan kelemahan dari segi penguasaan kosa kata merupakan punca utama pelajar menggunakan strategi pembelajaran yang menyebabkan berlakunya pelbagai kesilapan seperti kesilapan penggantian dan kesilapan struktur alternatif. Kesilapan yang berpunca daripada strategi pemindahan juga menonjolkan kelemahan penguasaan kosa kata, iaitu kesilapan subsitusi, kesilapan terjemahan dan kesilapan penterjemahan literal. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar B2 haruslah didedahkan kepada input bahasa melalui program *immersion* yang mendedahkan pelajar dengan input yang komprehensif serta mempelajari BM secara tidak memberi fokus pada tatabahasa sahaja.

Dapatkan pengkaji agak berbeza dengan dapatan Noor Aina Dani(1999), apabila keputusan kajian Noor aina Dani menunjukkan pelajar yang berada pada tahap akrolek agak tinggi iaitu dengan min markat sebanyak 90.7% sedangkan dapat pengkaji menunjukkan 11% sahaja pelajar berada pada tahap akrokek. Perbezaan keputusan ini ialah disebabkan penggunaan subjek kajian yang berbeza dari segi tahap umur walaupun kedua-dua kajian menggunakan pelajar pribumi yang mempelajari BM sebagai B2. Noor Aina Dani menggunakan subjek kajian dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah manakala, kajian pengkaji menggunakan subjek kajian dalam kalangan murid sekolah rendah. Jurang tempoh masa menerima pendidikan secara formal yang berbeza membuktikan semakin lama pelajar B2 mempelajari bahasa Melayu, semakin mantap penguasaan BM. Walau bagaimanapun hal ini bergantung kepada strategi pengajaran yang digunakan oleh guru di sekolah.

Implikasi dapatan kajian ini penting sebagai landasan mengemukakan cadangan yang membina dan relevan. Satu perkara yang telah didapati dalam kajian ini ialah memberi implikasi pedagogi kepada guru yang mengajar bahasa Melayu dalam kalangan

pelajar B2. Kesilapan seharusnya diterima sebagai bukti bahawa pembelajaran sedang berlaku. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian semasa mempelajari BM sebagai B2 telah membuka minda guru untuk membuat refleksi tentang pengajaran mereka di dalam kelas. Kekuatan dan kelemahan pengajaran dapat dikenal pasti seterusnya penambahbaikan dapat dilakukan dengan sewajarnya. Tahap BA yang dikenal pasti dalam kajian ini akan membuka ruang kepada guru untuk menilai kaedah pengajaran, membina objektif yang sesuai dengan tahap penguasaan pelajar, membina bahan pengajaran yang sesuai serta merangka aktiviti yang lebih menyeronokkan semasa melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru seharusnya lebih terbuka menerima kesilapan pelajar dan bukannya menghukum. Kesilapan merupakan satu proses pembelajaran dan hukuman ke atas kesilapan yang dilakukan akan membantutkan semangat pelajar B2 meneruskan pembelajaran.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sebagai kesimpulan daripada kajian ini, BA merupakan satu sistem bahasa yang sangat berkait rapat dengan pembelajaran bahasa kedua. Dalam pembelajaran B2, pelajar akan sampai pada satu tahap untuk membentuk satu sistem bahasa yang tersendiri sebelum menuju ke bahasa sasaran. Ciri yang wujud dalam sistem bahasa pelajar ini akan dipindahkan menjadi sistem BA. Selinker membantu kita mengetahui kewujudan BA hasil pembelajaran bahasa kedua. Tanpa kajian ini sudah tentu kewujudan BA ini tidak disedari oleh pengkaji malah pengkaji menganggap sistem BA antara merupakan satu kesilapan yang wajar dielakkan. Malah guru juga akan berpendapat sedemikian andainya pendedahan diberikan kepada mereka berkaitan kewujudan BA dalam kalangan pelajar yang mempelajari BM sebagai B2. Oleh itu, kajian tentang BA merupakan perkara yang penting untuk melihat sejauh mana penggunaan BA ini merupakan faktor utama yang memberi gangguan kepada pelajar dalam mempelajari bahasa kedua. Setelah menentukan tahap BA dalam kalangan pelajar tahun 4 di sekolah kajian, pengkaji berharap usaha gigih perlu dilakukan oleh semua pihak agar masalah kelemahan pelajar peribumi Sarawak dalam mempelajari BM dapat dibendung. Setelah melalui tempoh pengajian selama tiga tahun dan mendirikan asas yang kukuh dalam kemahiran lisan dan menulis, sewajarnya pelajar tahun 4 ini sudah boleh menguasai aspek BM dengan baik.

Pengkaji berharap dengan adanya kajian seperti ini, akan dapat membantu guru merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan dalam membimbing pelajar mempelajari B2. Di samping itu, pelajar juga perlu diberi peluang untuk melalui satu rancangan pembelajaran yang teratur demi menjamin pemerolehan B2 pelajar berada pada tempat yang sepatutnya. Kajian berkaitan BA juga mampu membekalkan maklumat kepada pensyarah dan guru BM tentang kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar B2 ketika mempelajari BM. Hasil penyelidikan boleh digunakan untuk rujukan ilmu bagi pelajar, guru, pensyarah dan masyarakat umum. Oleh itu, kajian lanjut perlu dijalankan dengan penggunaan sampel yang lain dan kawasan kajian yang lain agar satu generalisasi dapat dibuat. Kajian juga boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah dan alat kajian yang berbeza seperti melalui ujian lisan berbanding kajian ini yang menggunakan ujian bertulis semata-mata.

Dapatkan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan untuk semua pelajar yang mempelajari BM sebagai B2. Cara pembelajaran pelajar peribumi berlainan dengan cara

pembelajaran pelajar daripada bangsa yang lain seperti Cina dan India. Sistem tulisan juga berbeza kerana pelajar peribumi Sarawak sama ada mewakili mana-mana etnik sekali pun menggunakan sistem tulisan rumi, sedangkan pelajar daripada bangsa yang lain seperti India dan Cina mempunyai sistem tulisan mereka sendiri. Oleh itu, kajian yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan agar dapat memberi gambaran yang menyeluruh berkaitan strategi pembelajaran B2. Malah lebih baik jika kajian selanjutnya diperluas kepada aspek membaca. Dalam kajian ini pengkaji hanya melihat tahap bahasa Antara melalui aspek tulisan sahaja . Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian selanjutnya diperluas kepada aspek lisan dan membaca. Ruang dalam strategi pembelajaran kemahiran lisan dan membaca sangat banyak untuk diterokai. Contohnya, berkaitan kekeliruan membezakan bentuk huruf yang hampir sama.

Rujukan

- Alice Alim. (2011). *Bahasa Antara dalam Pemelajaran Bahasa Kedua*. Kertas Kerja dalam Persidangan Linguistik ASEAN V, Warna-warni Lingustik ASEAN: Penyelidikan dan Pemantapan Korpus Ilmu, Anjuran PLM dan UKM. 21-22 Disember 2011.
- Alice Alim. (2010). *Bahasa Antara dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Disertasi Ijazah Sarjana. Akademi Pengajian Melayu . Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Arulnathan A/L Visurasam. (2013). *Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua oleh Pelajar India: Strategi Pemelajaran dan Pemindahan Bahasa*. Tesis Ijazah Dr. Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ashinida Aladin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies Volume 12(2)* May 2012.
- Corder, S. Pit. dan Allen, J.P.B (1979). *Techniques in Applied Linguistics*, Vol 3: Oxford: Universiti Press.Lightbown, P. M., & Spada, N. (2006). *How language are Learned* (3rd Edition). Oxford: Oxford Univrsity Press.
- Noor Aina Dani. (1999). *Bahasa Antara di kalangan Pelajar B2: Tahap dan Fosilisasi*. Monogaf Bahasa Sastera dan Budaya Melayu Jld 1 1999. Jabatan Bahasa Melayu FBMK, UPM.
- Noor Zila Md. Yusuf. (2015). *Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Tesis Dr. Falsafah Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selinker, Larry. (1975). *The interlanguage hypothesis extended to children*. dlm. *Language Learning* 25: 1, hlm. 139-161.
- Selinker, Larry. (1992). *Rediscovering interlanguage*. London And New York: Longman Group United Kingdom Limited.
- Susan Juhin. (1999). *Bahasa Antara dalam Bahasa Melayu Lisan Kanak-kanak bangsa Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak*. dlm Jurnal Dewan Bahasa 43:5 hlm.455-463
- Ting, S. H. & Phan, G. Y. L. (2008). Adjusting communication strategies to language proficiency. *Prospect: An Australian Journal of TESOL*, 23 (1), 28-36.

